



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

PERMOHONAN BANTUAN DERMASISWA / PINJAMAN PELAJARAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
SESI 2018

(A) DERMASISWA PELAJARAN : PELAJAR DI UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR.

KURSUS : SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG,
USULUDDIN, DAKWAH, PENGAJIAN DAN BAHASA ARAB,
ULUM ISLAMIAH, BAHASA ARAB.

SYARAT DAN KELAYAKAN

1) Bagi pelajar di Universiti Al Azhar, Mesir :

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
- iii. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
- iv. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid**.
***dikecualikan bagi Ulum Islamiah**
- v. Lulus dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti Al Azhar (Imtihan Qabul) atau telah berada dalam Tahun Satu (kuliah).
- vi. Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor) dan Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Johor Mesir (MTPAJM).
- vii. Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- viii. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

2) Keterangan :

- i. Bagi pelajar yang menduduki Pusat Bahasa (Markaz Lughah) pada tahun sebelumnya dan telah berjaya memasuki tahun pertama (telah mendapat surat tawaran rasmi daripada Universiti) dikira layak untuk membuat permohonan.

- ii. Pelajar yang menerima dermasiswa zakat MAINJ dikehendaki menandatangani perjanjian penerimaan dan mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah termaktub dalam perjanjian.

KURSUS : TAHFIZ AL QURAN DAN AL QIRAAT

SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
3. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
4. Mempunyai Diploma Tahfiz Al Quran Dan Al Qiraat daripada MARSAH atau Darul Quran JAKIM.
5. Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor) dan Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Johor Mesir (MTPAJM).
6. Universiti yang di iktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
7. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

(B) DERMASISWA PELAJARAN : PELAJAR DI UNIVERSITI DI JORDAN

KURSUS

**:PENGAJIAN ISLAM SYARIAH, USULUDDIN, TAHFIZ,
EKONOMI ISLAM, BAHASA ARAB**

SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia
2. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
3. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
4. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **5A** atau lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid**.
5. Pelajar yang telah berada di tahun keempat (4) pengajian.
6. Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Education Malaysia Jordan melalui Badan Kebajikan Pelajar Johor Jordan (BKPJJ)
7. Universiti yang di iktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
8. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

**(C) PINJAMAN PELAJARAN QARDUL HASAN PELAJAR DI UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR
DAN UNIVERSITI DI JORDAN**

KURSUS : PERUBATAN / PERGIGIAN/ FARMASI

SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
3. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
4. Pelajar tahun satu (1) yang mendapat **8A** dalam SPM, dengan mendapat A dalam 4 subjek teras iaitu Bahasa Inggeris, Fizik, Kimia dan Biologi; atau
5. Pelajar yang berada di tahun kedua pengajian dengan mendapat keputusan Tahun Pertama **Jayyid / Good** sekurang-kurangnya dan lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **5A**.
6. Universiti yang telah di iktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
7. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

CARA-CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah di buat menggunakan Borang Bantuan Pelajaran yang boleh di dapati melalui laman web www.majj.gov.my.
2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan :
 - 2.1 Sekeping gambar berukuran passport.
 - 2.2 Salinan kad pengenalan pelajar.
 - 2.3 Salinan kad pengenalan ibu bapa / penjaga.
 - 2.4 Salinan Slip Gaji atau pengesahan pendapatan ibu bapa / penjaga.
 - 2.5 Surat tawaran pengajian universiti.
 - 2.6 Salinan keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*
 - 2.7 Salinan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - 2.8 Salinan keputusan peperiksaan tahun semasa (terkini)
 - 2.9 Sijil-sijil keputusan peperiksaan yang disahkan.
 - 2.10 Pengesahan tahun pengajian oleh Atase Pendidikan Johor di Mesir atau Pejabat Education Malaysia Jordan.
3. Borang beserta lampiran sokongan yang telah lengkap boleh dihantar ke email **qardhassan.mainj@gmail.com (bagi Skim Pinjaman Pendidikan)** dan **dermasiswa1@gmail.com (bagi Skim Dermasiswa)**.

4. Permohonan hendaklah dihantar ke email sebelum **31 Julai 2018**. **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temuduga dilaksanakan, hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA.**
5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Bahagian Agihan Zakat (Unit Dermasiswa Dan Pinjaman Pelajaran) Majlis Agama Islam Negeri Johor di talian 07-2282935 07- 2282999 07-2282929 07-2282937 ext 308 atau melalui email.